

AEI Tawar Peluang Sambung Belajar Peringkat Sarjana dan PhD di Luar Negara

oleh: Shelly Anak Suni

ISNIN, 3 MAC – Timbalan Eksekutif Institut Asia-Eropah (AEI), Profesor Madya Dr. Siti Rohani Kassim dari Universiti Malaya telah menyampaikan ceramah mengenai peluang menyambung pelajaran peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di luar negara kepada pelajar Sekolah Sains Sosial (SSS), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pelajar yang menghadiri ceramah beliau bertempat di Bilik Mesyuarat Utama pada jam 2 petang itu kebanyakannya terdiri daripada pelajar Tahun 3 dari program HA12 Hubungan Antarabangsa.

Menurut beliau, antara program yang ditawarkan oleh institut tersebut di peringkat sarjana ialah Sarjana Antarabangsa Pengurusan Maklumat (IMIM), Sarjana Antarabangsa dalam Integrasi Serantau (IMRI), Sarjana Antarabangsa Perusahaan Kecil dan Perusahaan Sederhana (IMSME) serta Sarjana Antarabangsa dalam Pengajian ASEAN (IMAS); sementara bagi program Doktor Falsafah (PhD) ialah PhD dalam Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Tambah beliau lagi, syarat untuk



Prof. Madya Dr. Siti Rohani Kassim sedang memberi ceramah kepada para pelajar yang hadir seminar ini.

melanjutkan pelajaran di institut itu mempunyai sekurang-kurangnya keputusan CGPA 3.30 ke atas serta memperoleh kelayakan daripada Program Sarjana Antarabangsa AEI.

Dari segi penilaian tugasan, institut tersebut agak berbeza dari institut lain kerana tidak menjalankan peperiksaan sebagai penilaian markah tetapi penilaian markah setiap semester akan diambil dari tugasan-tugasan yang dibuat oleh para pelajar, kata beliau semalam semasa memberi penerangan kepada para pelajar yang hadir.

Untuk bantuan pula, bantuan kewangan biasiswa turut diberikan kepada para pelajar yang layak dengan syarat mempunyai keputusan akademik yang cemerlang bagi membantu meringankan beban para pelajar dalam menanggung kos hidup mereka di sana.

Di samping itu, institut AEI diyakini mempunyai reputasi yang baik diperingkat global kerana mempunyai kakitangan akademik dari pelbagai negara seperti negara Itali, Perancis, Jerman, Sepanyol serta dari benua Asia.

Kemasukan ke Institut tersebut dibuka dari bulan Mac hingga bulan Mei setiap tahun melalui laman rasmi <http://www.ips.um.edu.my>.